

Latihan 1: Kenal Pasti dan Kelaskan Kata Majmuk

Baca teks di bawah dengan teliti. Kemudian, senaraikan kata majmuk yang terdapat dalam teks dan kelaskan mengikut jenisnya.

Pada hari Sabtu, sekolah kami mengadakan aktiviti membersihkan kawasan sekolah. Semua kakitangan sekolah berkumpul di bilik darjah sebelum aktiviti bermula. Setiausaha kelab memberikan arahan kepada setiap kumpulan.

Guru meminta murid mengemas alat tulis dan menyusun kerusi meja dengan kemas. Selepas itu, mereka mengumpulkan sampah dan memasukkannya ke dalam tong sampah yang disediakan. Beberapa orang murid membantu guru secara sukarela.

Pada waktu tengah hari, semua murid berehat di kantin. Guru turut menerangkan kepentingan menjaga kebersihan bagi setiap mata pelajaran yang dipelajari. Setiap murid menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan bersungguh-sungguh.

Aktiviti tersebut mendapat sokongan daripada warganegara yang tinggal berhampiran sekolah. Semua peserta berasa gembira kerana dapat bekerjasama menjaga kebersihan persekitaran.

KATA MAJMUk BEBAS	KATA MAJMUk MANTAP
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.

Latihan 2: Pilih kata majmuk yang sesuai untuk melengkapi ayat di bawah.

gambar rajah	matahari	jalan raya	sukarela	pasar raya	tandatangan
kakitangan	lalu lintas	atur cara	beritahu	kereta kebal	setiausaha

1. Ramai orang ke _____ untuk membeli barang-barang keperluan.
2. _____ Baharu akan dibina di Taman Sentosa menuju ke Taman Sri Damai.
3. _____ persatuan bertanggungjawab mencatat minit mesyuarat.
4. Cahaya _____ pada waktu pagi membekalkan vitamin D.
5. Murid-murid membaca _____ majlis sebelum acara bermula.
6. _____ ini perlu dilukis dalam buku latihan.
7. Semua _____ sekolah berkumpul di dewan untuk menghadiri mesyuarat.
8. Beberapa orang murid menyertai aktiviti gotong-royong secara _____.
9. Tentera Darat Malaysia menggunakan _____ untuk mempertahankan tanah air daripada serangan penceroboh.
10. Kesesakan _____ berpunca daripada lampu isyarat yang tidak berfungsi.
11. Ali _____ guru tentang kejadian yang berlaku di dalam kelas.
12. Guru meminta _____ ibu bapa pada boring kebenaran menyertai lawatan sambil belajar.